



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



JANUARI 2021

Pejabat Hal Ehwal Pelajar

HEP

PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA



KETUA EDITOR

PUAN HAWA BINTI OMAR

EDITOR

ENCIK AHMAD KHIRUL NIZAM BIN ALI

PENULIS

MOHAMAD FARIS BIN NASHARUDDIN



heputhm



hep.uthm.edu.my



pheputhm

PEMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR UTHM SESI 2020/2021

04 JANUARI 2021 | ISNIN



Hari Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar UTHM Sesi 2020/2021 telah berlangsung pada 04 Januari 2021 secara *e-voting*. Sesi undian telah bermula pada jam 8.37 pagi dan tamat pada jam 4.37 petang. Seramai 10,078 pelajar mewakili 58.66% daripada keseluruhan 17,530 pelajar yang layak telah mengundi. Seramai 69 calon telah bertanding untuk merebut 33 buah kerusi, di mana 8 kerusi adalah bagi kerusi Umum dan 25 adalah kerusi Fakulti. Kesemua kerusi yang dipertandingkan meliputi Kampus Induk Parit Raja dan Kampus Cawangan Pagoh.

Sesi pengumuman keputusan pemilihan MPP UTHM turut dihadiri oleh Prof. Datuk. Ts. Dr. Wahid bin Razzaly, Naib Canselor, Prof. Madya Ts. Dr. Ahmad Rizal bin Madar, Pengarah Pusat Perumahan Pelajar, selaku wakil Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwat Pelajar dan Alumni), Puan Hawa binti Omar, Pengarah Pejabat Hal Ehwat Pelajar, Pegawai Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia dan pegawai - pegawai Universiti. Keputusan keseluruhan pemilihan telah diumumkan oleh Saudari Farrah Nuramanina binti Mohd. Anuar, Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar UTHM (JPMPP UTHM) Sesi 2020/2021.

Tahniah diucapkan kepada semua calon yang berjaya memenangi PMPP Sesi 2020/2021. Terima kasih diucapkan kepada pasukan JPMPP dan semua pihak yang menjayakan PMPP Sesi 2020/2021.

MESYUARAT PEMBENTUKAN KABINET MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR UTHM 2020/2021

06 JANUARI 2021 | RABU

Mesyuarat Pembentukan Kabinet Majlis Perwakilan Pelajar UTHM diadakan pada 06 Januari 2021 bertempat di Dewan Jemaah. Tahniah diucapkan kepada barisan Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2020/2021 yang baharu. Terima kasih diucapkan kepada Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), YBrs. Prof. Madya Dr. Afandi Ahmad atas kesudian mempengerusikan sesi pertama mesyuarat. Turut hadir adalah Pn. Norliah Yaakub, Penasihat Undang-Undang, Pn. Hawa Omar, Pengarah Pejabat Hal Ehwal Pelajar (PHEP), Pegawai PHEP, Jawatankuasa Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (PMPP) dan *Task Force Students' Union*. Sesi kedua mesyuarat telah dipengerusikan oleh Saudari Farrah Nuramanina binti Mohd. Anuar, Pengerusi JPMPP Sesi 2020/2021.



EDARAN SIM KAD PELAN DATA CELCOM

14 JANUARI 2021 | KHAMIS



Tahniah diucapkan kepada 500 pelajar yang berkeperluan terpilih menerima SIM Kad Pelan Data Celcom pada agihan pelan data pelajar Fasa 2. Pengaktifan SIM kad bermula 18 Januari 2021 selama tempoh empat (4) bulan. Terdahulu seramai 4,400 pelajar telah menerima SIM kad YES secara percuma dalam agihan pelan data Fasa 1 yang telah dilaksanakan mulai Oktober 2020. Semoga dengan bantuan yang diberikan ini, pelajar terus kekal positif untuk mengikuti pengajaran secara dalam talian di mana sahaja pelajar berada sehingga berjaya.

ZIARAH KASIH, PEMANDU PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR

27 JANUARI 2021 | RABU




Menyantuni En. Khamsa bin Abu, Pemandu Pejabat Hal Ehwal Pelajar. Didoakan semoga beliau dikurniakan kesihatan dan kesejahteraan yang berpanjangan.

24 JANUARI 2021

27 JANUARI 2021

30 JANUARI 2021



HEP



heputhm



hep.uthm.edu.my



pheputhm

**Pejabat Hal Ehwal Pelajar,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,
86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor**